

## Peranan Sekolah Dalam Membentuk Budaya Berbahasa Murid

Khairul Nizam Bin Mohamed Zuki, Kementerian Pendidikan Malaysia

Corresponding Author: Khairul Nizam Bin Mohamed Zuki

**Abstrak:** Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat dan meneroka peranan sekolah dalam membentuk budaya berbahasa murid di sekolah rendah. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti peranan yang dimainkan oleh sekolah untuk meningkatkan kemahiran menulis, membaca serta mendengar dan bertutur dalam Bahasa Melayu. Kajian ini merupakan kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Seramai 22 orang murid telah dipilih sebagai peserta kajian. Masing-masing terdiri daripada murid Tahun 4 hingga Tahun 6 dalam sekolah yang sama. Instrumen kajian terdiri daripada analisis dokumen, pemerhatian, temu bual dan soal selidik. Instrumen analisis dokumen dijalankan untuk mengkaji peranan sekolah terhadap kemahiran menulis. Instrumen pemerhatian dan temu bual untuk melihat peranan sekolah terhadap kemahiran membaca sementara instrumen soal selidik pula adalah untuk menilai peranan sekolah terhadap kemahiran mendengar dan bertutur. Hasil dapatan menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu standard masih kurang digunakan dalam kalangan murid. Hal ini sekaligus dapat memberi kesan yang negatif terhadap proses berbahasa murid khususnya dalam bidang pendidikan.

**Kata kunci:** kemahiran berbahasa, menulis, membaca, mendengar dan bertutur

**Abstract:** This research is conducted to obtain information about to what extend does the school influences the language competence among primary school children. This research aims to identify the roles of the school in improving the language skills; listening, speaking, reading and writing in Bahasa Melayu. This research is a case study using a qualitative approach. Respondents selected for this study are 22 students, who are from Year 4 to Year 6, from the same school. The research instruments include document analysis, observation, interview and questionnaires. The above methods are used to obtain data on the role of the school regarding the 4 language skills. Document analysis is used to obtain data on writing skill and observation and interview are used to obtain data regarding the reading skill while the questionnaire is used to obtain data regarding the listening and speaking skills. The results showed that the uses of standard Malay language are still weak among the students. In conclusion, it will effect the student's language learning process in education.

**Keywords:** language competence, listening, speaking, reading, writing

---

Date of Submission: 31-08-2017

Date of acceptance: 13-09-2017

---

### I. Pengenalan

Kemahiran menulis, membaca dan bertutur merupakan rutin utama dalam menguasai sesuatu bahasa. Kemahiran ini turut diberikan penekanan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah dalam aspek pengajaran Bahasa Melayu. Dalam sukanan pelajaran lama, tiga kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan bertutur kurang diberi perhatian (Abdullah Hassan, 2004). Pada dasarnya, murid hanya didedahkan kepada kemahiran tatatabahasa dan menjadi tanggungjawab murid untuk menggunakan bahasa menurut tafsiran sendiri. Pada hakikatnya, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sukar untuk diajar dan dikuasai oleh murid (Nik Safiah Karim, 2004). Hal ini adalah kerana, kemahiran menulis memerlukan tahap literasi yang kompleks dan melibatkan proses kognisi yang tinggi (Van de Kopple et al. dlm. Roselan 2003).

Keupayaan dalam menguasai kemahiran berbahasa menjadi asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam semua bidang pelajaran di sekolah. Walau bagaimanapun, aspek penguasaan kemahiran menulis saling berkait rapat dengan kemahiran membaca dan bertutur. Menurut Abdul Rashid (2011), kemahiran menulis merupakan suatu budaya intelek yang saling melengkapi antara kemahiran membaca dengan menulis. Hal ini bermaksud, untuk menguasai kemahiran menulis, seseorang individu harus terlebih dahulu menguasai kemahiran membaca. Kemahiran menulis juga perlulah bertepatan dengan konsep penulisan iaitu matlamat, penggunaan bahasa, audiens dan gaya penulisan. Hal ini kerana, proses menulis boleh ditafsirkan sebagai proses penyaluran maklumat yang bersifat mekanikal dan disalurkan secara bersistem (Abdul Rashid, 2011).

Penguasaan dalam kemahiran berbahasa amatlah dititikberatkan dalam semua peringkat umur terutama pada tahap pendidikan awal di sekolah. Kegagalan menguasai kemahiran berbahasa akan membawa kesan kepada prestasi semasa murid. Kemahiran berbahasa merupakan aspek utama dalam menjawab soalan atau menjelaskan sesuatu perkara dan maklumat. Murid perlulah mahir menulis dan membaca kerana hampir semua kertas peperiksaan memerlukan murid untuk menjawab dalam bentuk tulisan (Norazman Mahat, 2009). Menurut

Che Zanariah dan Fadzilah (2011), murid perlu menguasai kemahiran menulis untuk menghuraikan data-data yang tepat, berupaya menyusun jawapan dalam bentuk yang mudah, teratur dan meyakinkan. Oleh itu, kegagalan individu atau murid untuk menguasai kemahiran menulis dan membaca akan menyebabkan mereka sukar untuk memahami disiplin ilmu yang dipelajari sekaligus menyebabkan mereka hilang minat untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

## **II. Pernyataan Masalah**

Kanak-kanak merupakan cerminan masa hadapan dan pewaris generasi bagi meneruskan legasi bangsa dan memangkin kemajuan negara. Disebabkan itulah, maka kerajaan sangat komited dalam membangunkan sistem pendidikan bertaraf tinggi bagi memastikan impian seluruh rakyat Malaysia untuk melahirkan generasi yang mampu bersaing di peringkat global terlaksana. Hal ini boleh dilihat melalui pelbagai pelan dan perancangan yang dijalankan seperti pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) serta pengenalan kepada kurikulum baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Masalah kewangan juga bukan lagi satu penghalang dengan dasar pendidikan percuma yang memberi peluang kepada murid untuk melanjutkan pelajaran di peringkat rendah dan menengah tanpa bebanan kewangan. Hal ini jelas menunjukkan betapa komitednya kerajaan dalam usaha menghasilkan modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Walau bagaimanapun, masih terdapat permasalahan iaitu perbezaan dalam menyeimbangkan kemampuan individu dalam bersaing khususnya generasi baharu. Perbezaan dari segi kecerdasan individu menyebabkan wujud jurang yang besar dalam persaingan untuk mencapai matlamat kehidupan sekaligus menggapai hasrat sistem pendidikan di negara ini. Bagi menangani permasalahan ini, pelaksanaan kelas secara tertumpu telah diwujudkan. Kelas bertumpu atau pemulihan adalah langkah inisiatif yang dijalankan bagi menghadapai masalah dalam pembelajaran. Pemulihan adalah berfokuskan objektif memulihkan sesuatu kekurangan atau sesuatu kecacatan (Abdul Rashid, 2011) dan bukannya untuk menyerapkan cabang ilmu baharu. Murid yang bermasalah dalam pendidikan boleh diklasifikasikan sebagai murid lembam yang biasanya lambat untuk memahami sesuatu pembelajaran berbanding kebolehan murid biasa. Hal ini sekaligus mewujudkan kebimbangan daripada pelbagai pihak sama ada guru-guru, ibu bapa dan masyarakat.

Terdapat pelbagai faktor yang dilihat menjadi punca kepada permasalahan ini. Antaranya adalah perkembangan kemahiran berbahasa yang lemah. Pada dasarnya, proses berbahasa biasanya akan datang dengan sendiri melalui pertuturan sehari-hari. Namun begitu, penguasaan dari segi kemahiran asas berbahasa seperti mendengar dan bertutur, membaca serta menulis perlu dipelajari dan dilatih. Sekiranya kemahiran asas ini tidak dititikberatkan, maka ia akan mendatangkan masalah kepada murid terutama dalam proses pembelajaran mereka. Menurut Mangantar Simanjuntak (1982), masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa sebenarnya adalah masalah psikolinguistik. Oleh itu, adalah penting untuk seseorang murid dalam memahami konsep berbahasa yang bermula daripada kemahiran asas mendengar dan bertutur. Sekiranya kemahiran ini gagal dikuasai dengan baik, maka ia akan mendatangkan kesan kepada permasalahan lain seperti kemahiran membaca dan menulis. Walau bagaimanapun, murid yang mahir bertutur belum tentu dapat menterjemahkan sesuatu maklumat itu ke dalam bentuk penulisan.

Selain itu, faktor persekitaran juga turut menjadi topik utama dalam menilai kemampuan seseorang itu untuk menguasai kemahiran berbahasa. Faktor persekitaran boleh digolongkan dalam suasana atau iklim di sekolah, bilik darjah serta kawasan tempat tinggal. Pelaksanaan kurikulum di sekolah yang hanya menekankan kepada penyampaian maklumat atau kandungan sahaja tanpa menekankan kepada kemahiran asas berbahasa turut menjadi punca kepada kelemahan menguasai proses menulis, membaca dan bertutur. Hal ini menjadikan para guru tidak prihatin atau terlepas pandang kepada perbezaan keupayaan setiap murid. Apabila aspek kemampuan murid diabaikan, maka perbezaan pencapaian di antara murid akan semakin ketara. Hal ini akan menyebabkan murid yang tertinggal akan terus tertinggal jauh ke belakang dan menyebabkan minat untuk meneruskan proses pembelajaran semakin berkurang. Hasilnya boleh dilihat melalui emosi dan tindak-tanduk murid itu sendiri seperti menjadi malas, cepat letih, bosan dan pasif.

Suasana iklim bilik darjah juga turut memberi kesan kepada kemahiran berbahasa murid. Iklim bilik darjah yang dimaksudkan adalah seperti susun atur kedudukan murid, tumpuan murid terhadap guru, tumpuan guru terhadap murid, penyediaan alatan asas menulis dan sebagainya. Sebahagian guru kelas kadang-kala mengabaikan kedudukan susunan murid-murid di dalam bilik darjah. Murid yang lemah sepatutnya ditempatkan di hadapan kelas untuk memudahkan guru bagi memantau perkembangan dan latihan mereka. Akan tetapi, sekiranya guru tidak peka dengan kebolehan murid, maka susun atur murid diletakkan secara sembarangan. Selain itu, guru juga seharusnya memastikan tumpuan murid diberikan sepenuhnya sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Sekiranya murid masih belum bersedia untuk belajar, maka tumpuan murid akan mudah berubah sekaligus memberi kesan terhadap penerimaan maklumat. Murid yang gagal menyediakan kemudahan asas berbahasa juga menjadi penyebab utama kepada kegagalan menguasai kemahiran berbahasa. Hal ini kerana, motivasi murid akan cepat menurun sekiranya keperluan asas pembelajaran yang sepatutnya

mereka miliki tidak dapat dipenuhi. Apabila motivasi mereka menurun, maka akan lahirlah sikap malas dan tidak bersemangat untuk menulis dan membaca. Hal ini akan menjadikan keupayaan mereka untuk menguasai kemahiran berbahasa dengan lebih berkesan.

Faktor persekitaran tempat tinggal murid juga memainkan peranan utama dalam memastikan kebolehan murid menguasai kemahiran berbahasa dengan baik. Murid yang mempunyai latar belakang tinggal di kawasan pedalaman selalunya dikaitkan dengan masalah kemahiran membaca dan menulis. Hal ini adalah kerana, murid yang tinggal di kawasan pedalaman jarang terdedah kepada maklumat semasa selain kekurangan peralatan untuk menulis dan membaca. Kekurangan latihan menulis akan menyebabkan ketidakcekapan koordinasi mata dan tangan semasa menulis (Abdul Rashid, 2011). Akibatnya, murid tidak dapat menulis garis perkataan dengan betul serta kerap melakukan kesalahan tanda baca. Kekurangan bahan dan maklumat juga akan menyebabkan murid tidak dapat menghuraikan karangan yang ditulis dengan baik di samping lemah dalam aspek menyusun ayat. Perkembangan idea murid juga akan menjadi terbantut sehingga boleh menyebabkan murid hilang fokus dalam penulisan mereka. Punca masalah ini dikuatkan lagi dengan masalah kemiskinan dan kurang tumpuan ibu bapa. Pada kebiasaannya, ibu bapa di kawasan luar bandar khususnya pedalaman tidak menitikberatkan budaya belajar di rumah. Kesannya, murid-murid tidak akan mendapat bimbingan yang secukupnya bahkan terpaksa membantu keluarga untuk menyara kehidupan. Maka, ibu bapa juga turut menjadi penyumbang utama kepada masalah menguasai kemahiran berbahasa.

Walau bagaimanapun, masalah-masalah ini bukanlah alasan untuk para guru dan pihak sekolah menjadikannya sebagai penghalang kepada usaha-usaha membantu murid yang bermasalah dalam pembelajaran. Sebaliknya, masalah-masalah ini boleh dijadikan sebagai batu loncatan kepada para guru untuk terus berusaha dalam mencapai matlamat pendidikan negara. Pelbagai usaha telah dirangka dan dijalankan untuk membantu pihak sekolah dan para guru bagi memastikan murid-murid bermasalah tidak terus tercincir bahkan dapat dipulihkan. Perkara ini dapat dilihat melalui program-program seperti pelaksanaan kelas pemulihan khas, LINUS, bantuan awal persekolahan, bantuan kepada murid miskin dan sebagainya.

### **Objektif Kajian**

Berdasarkan kajian ini, objektif umum yang disasarkan adalah untuk mengkaji keupayaan berbahasa dalam kalangan murid masyarakat Bajau di pedalaman. Sementara objektif khusus kajian pula adalah seperti berikut :

1. Mengenal pasti peranan sekolah dalam meningkatkan kemahiran menulis bahasa Melayu.
2. Mengenal pasti peranan sekolah dalam meningkatkan kemahiran membaca bahasa Melayu.
3. Mengenal pasti peranan sekolah dalam meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Melayu.

### **III. Tinjauan Literatur**

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sangat memandang tinggi masalah penguasaan kemahiran menulis murid-murid terutama di peringkat sekolah rendah. Hal ini adalah kerana, melalui kemahiran asas dalam aspek berbahasa dikuasai, barulah usaha untuk memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu dapat dipertingkatkan. Justeru itu, pelbagai pendekatan telah dirangka dan dilaksanakan bermula dari peringkat akar umbi.

Umum mengetahui bahawa masalah penguasaan kemahiran berbahasa adalah sangat membimbangkan. Adalah sangat perlu untuk pelbagai pihak menggembungkan tenaga dalam usaha mencari punca dan seterusnya berusaha untuk menangani masalah ini (Abdul Rashid Jamian, 2011). Oleh yang demikian, banyak kajian yang dijalankan untuk mengenal pasti punca permasalahan sekaligus memberi ruang dan kesedaran kepada para guru khususnya untuk membantu merawat dan menangani masalah ini daripada terus berlanjutan.

Sehubungan dengan itu, pelbagai kajian telah dijalankan bagi mencari punca sebenar kepada masalah penguasaan murid dalam aspek kemahiran berbahasa. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kebolehan penguasaan pembelajaran murid seperti faktor psikologi, biologi dan persekitaran (Roselan, 2003). Faktor-faktor ini yang akan menyebabkan murid sukar untuk mempelajari dan mengingati apa yang dipelajari. Oleh itu, murid akan bermasalah untuk menterjemahkannya ke dalam bentuk penulisan. Murid yang mewarisi tahap kecerdasan yang rendah juga akan sering memperlihatkan gangguan emosi seperti bimbang, takut, marah dan sebagainya yang boleh menjadikan tumpuan dan perhatian terhadap pembelajaran (Zulkifley, 2006). Kesannya, murid akan cuba untuk mendapatkan perhatian guru melalui pelbagai cara termasuk bertindak agresif dan mengganggu rakan yang lain. Selain itu, tumpuan dan minat murid juga akan berkurangan sekaligus memberi kesan yang mendalam terhadap pencapaian murid itu sendiri.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Abdul Rashid Jamian (2011) untuk melihat permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah luar bandar mendapati, persepsi murid terhadap guru juga menjadi faktor dalam penguasaan kemahiran menulis. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji bagaimana persepsi murid terhadap pengajaran guru dapat memberikan kesan terhadap penguasaan kemahiran membaca dan menulis. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran guru dalam pengajaran banyak membantu tahap penguasaan kemahiran menulis murid. Pengkaji turut merumuskan bahawa

kelemahan aspek kemahiran menulis adalah berpunca daripada kegagalan untuk menguasai kemahiran asas yang lain iaitu membaca, menulis dan mengira. Walau bagaimanapun, pengkaji bersetuju bahawa faktor guru dan iklim bilik darjah dapat memainkan peranan dalam merangsang minat murid.

Selain itu, DK. Suzanawaty dan Yahya Othman (2014) telah mengkaji keupayaan menguasai kemahiran menulis melalui pembelajaran berdasarkan projek dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. Kajian ini telah dijalankan dengan melibatkan seramai 39 orang murid Tahun 5 di salah sebuah sekolah rendah kerajaan kawasan Brunei. Kajian ini menumpukan kepada perbezaan yang boleh dicapai melalui penulisan berbentuk risalah. Hasil kajian menjelaskan bahawa aplikasi PBP melalui penulisan risalah adalah berkesan dalam meningkatkan keupayaan menguasai kemahiran menulis. Oleh itu, kajian ini juga bersetuju bahawa peranan guru dalam memilih penggunaan bahan mengajar yang sesuai dapat membantu tahap penguasaan murid untuk menguasai kemahiran menulis. Sekali lagi, faktor psikologi dapat memainkan peranan untuk menarik minat murid.

Che Zanariah dan Fadzilah (2011) mengkaji sejauh mana pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. Kajian ini melibatkan 110 orang responden terdiri daripada guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu di enam buah sekolah daerah Kuala Terengganu. Penekanan dalam kajian ini adalah terhadap sikap guru, aplikasi strategi dan masalah pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan pengajaran kemahiran menulis sebagai tanggungjawab guru mendapat skor tertinggi dengan purata min sebanyak 4.61. Aplikasi strategi pengajaran pula menunjukkan rata-rata guru bersetuju kemahiran menulis perlu diajar daripada mudah kepada sukar dengan purata min 4.20. Sementara itu, kebanyakkannya guru juga tidak memahami kandungan sukatan pelajaran menjadi masalah utama dalam pengajaran kemahiran menulis dengan skor 4.24. Kesimpulan daripada kajian ini mendapatkan bahawa, masalah penguasaan kemahiran menulis murid adalah disebabkan oleh sikap guru itu sendiri, pemilihan strategi pengajaran dan pembelajaran yang tidak berkesan serta pelbagai masalah dan kekangan yang dihadapi oleh guru untuk mengajar kemahiran menulis dengan berkesan.

Hasnalee Tubah dan Zulkifley Hamid (2011) pula menjalankan kajian untuk mengkaji pengaruh demografi terhadap kemahiran membaca dan memahami dalam kalangan murid-murid LINUS. Kajian ini melibatkan 131 orang murid LINUS Tahun 1 dan 17 orang guru LINUS daripada 15 buah sekolah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor demografi dalam mempengaruhi kebolehan membaca dan memahami murid-murid program LINUS. Hasil dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor dalam memperngaruhi kebolehan murid untuk membaca seperti faktor kekeluargaan, faktor konsep kendiri, faktor lokasi sekolah dan faktor bahasa pertuturan murid. Selain itu, kajian juga turut merungkai faktor demografi guru dalam memainkan peranan ke arah keupayaan membaca murid. Beberapa elemen telah dikaji seperti kelayakan akademik, pengalaman mengajar kelas intervensi, faktor usia guru, faktor peningkatan input guru dan peruntukan waktu mengajar guru LINUS. Oleh itu, pencapaian dan kebolehan murid untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis turut berkait rapat dengan pelbagai faktor termasuk keadaan persekitaran murid itu sendiri.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Charlie (2008), iaitu mengkaji sejauh mana penggunaan bahan bantu mengajar dalam kemahiran asas membaca di kelas pemulihan: kajian kes di lima buah sekolah daerah Serian mendapatkan bahawa keberkesanannya penggunaan bahan bantu mengajar dapat membantu meningkatkan prestasi penguasaan asas bacaan murid. Kajian ini dijalankan dengan mengkaji 5 orang guru dan 15 orang murid di 5 buah sekolah yang berbeza. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana penggunaan bahan bantu mengajar dapat memberi kesan terhadap kemahiran asas membaca murid-murid pemulihan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai juga menjadi faktor kepada penguasaan murid terhadap kemahiran asas membaca sekaligus turut memberi kesan kepada kemahiran menulis murid.

Berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat pelbagai faktor yang menjadi pendorong kepada penguasaan kemahiran berbahasa dalam kalangan murid sekolah rendah. Faktor-faktor asas seperti faktor psikologi, biologi dan persekitaran dipecahkan kepada beberapa bahagian kecil yang melibatkan kecenderungan murid untuk mengikuti pengajaran, kaedah pengajaran guru, pemilihan bahan bantu mengajar dan sebagainya. Namun begitu, kajian terhadap faktor persekitaran seperti iklim sekolah, kemudahan di bilik darjah, keadaan tempat tinggal murid dan sebagainya masih belum diteliti secara sepenuhnya. Hal ini kerana, faktor persekitaran juga turut membantu dalam proses perkembangan minda murid seterusnya dapat dipindahkan ke dalam bentuk penulisan (Abdul Rashid, 2011).

#### **IV. Metodologi Kajian**

##### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini adalah berasaskan kepada kaedah penyelidikan kualitatif dalam bentuk kajian kes. Kajian kes bertujuan untuk mengumpul data kualitatif bagi memantap dan memahami sesuatu situasi atau fenomena (Merriam, 2002; Yin, 2003). Oleh itu, kajian ini sangat sesuai digunakan untuk melihat fenomena yang diselidik tidak dibezakan dengan konteksnya dan wujud interaksi yang kompleks antara kedua-duanya

(Noraini Idris, 2013). Hal ini adalah bersesuaian dengan kajian ini, iaitu untuk mengenal pasti kemahiran berbahasa Bahasa Melayu murid dengan peranan sekolah.

### **Lokasi Kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada sebuah sekolah dalam kawasan Pulau Jambongan, Beluran, Sabah. Sekolah yang dipilih adalah Sekolah Kebangsaan Malalin. Sampel murid yang dipilih semuanya tinggal berdekatan dengan sekolah.

### **Populasi dan Persampelan**

Populasi kajian terdiri daripada semua murid di sekolah kebangsaan di Pulau Jambongan. Menurut Mohamad Najib (2003), populasi ialah sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri yang sama. Fraenkel (1990) pula menyatakan populasi sebagai kumpulan sasaran penyelidik supaya sesuatu dapatan kajian dapat diaplikasikan. Oleh itu, populasi kajian ini terdiri daripada murid berketurunan Bajau yang belajar di sekolah rendah Zon Pulau.

Dalam kajian ini, persampelan yang dipilih mewakili populasi yang mengalami situasi yang sama dengan sampel kajian. Kajian ini telah memilih seramai 22 orang sampel yang terdiri daripada murid Tahun 4, 5 dan 6. Seramai enam orang murid dari Tahun 4, 11 orang murid Tahun 5 dan lima orang murid dari Tahun 6 telah dipilih.

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini akan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen untuk mengumpul maklumat. Maklumat akan diproses untuk menjawab persoalan kajian. Kaedah pemerhatian akan tertumpu kepada penelitian terhadap keupayaan sampel kajian memanfaatkan peluang yang disediakan oleh pihak sekolah untuk merangsang pembelajaran. Temu bual pula akan dijalankan dengan menemu bual sampel kajian bagi menilai tahap berbahasa mereka di sekolah dan sejauh mana kemampuan untuk mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Instrumen analisis dokumen pula dijalankan untuk membuktikan keupayaan sampel kajian dalam kemahiran berbahasa Bahasa Melayu di sekolah rendah. Pemilihan kaedah ini sekaligus dapat menjimatkan masa, tenaga dan kos tetapi tidak mendatangkan tantangan daripada mana-mana pihak.

Pengumpulan data juga akan dibuat dengan kaedah soal selidik yang merangkumi aspek latar belakang murid, masalah kemahiran berbahasa dan pandangan terhadap aktiviti murid di sekolah. Guru-guru akan diminta untuk membantu dalam proses pemerolehan data dengan mengedarkan soal selidik kepada murid.

## **V. Dapatan Kajian**

### **Analisis Peranan Sekolah Terhadap Penggunaan Kemahiran Menulis**

Pengkaji telah menjalankan kaedah analisis dokumen bagi mengkaji sejauh mana peranan yang dimainkan oleh pihak sekolah untuk membantu murid menguasai kemahiran menulis. Pelaksanaan proses analisis dokumen dijalankan dalam tiga kategori. Kategori pertama adalah dengan menyemak buku rancangan pengajaran guru untuk meneliti jumlah pengajaran yang berhubung kait dengan kemahiran menulis. Selain itu, kaedah analisis buku rancangan mengajar juga dibuat untuk melihat jumlah penandaan yang dilaksanakan oleh pentadbir sekolah. Kategori kedua adalah dengan menyemak buku latihan sampel kajian untuk menilai aspek kesalahan dalam penulisan dan pembetulan yang dibuat. Kategori yang terakhir pula adalah dengan menyemak penetapan prestasi yang dibuat oleh pihak sekolah beserta cara penilaian.

#### *Semakan Buku Rekod Mengajar*

Hasil daripada analisis terhadap buku mengajar guru mendapati bahawa guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu menjalankan aktiviti kemahiran menulis sebanyak tiga hingga empat kali seminggu. Hal ini bermaksud, guru menyediakan latihan kemahiran menulis yang mencukupi untuk tujuan pemantapan daripada aspek kemahiran menulis. Dengan itu, setiap sampel yang dinilai mempunyai peluang hampir sama untuk aktiviti kemahiran menulis. Data analisis dokumen yang dikutip menunjukkan bahawa setiap guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu menjalankan aktiviti menulis yang seimbang di antara Tahun 4 hingga Tahun 6. Proses menyemak buku rekod ini adalah relevan kerana pengkaji dapat melihat kepelbagaiannya aktiviti yang digunakan oleh pihak guru serta menilai sejauh mana pihak pentadbiran sekolah menitiberatkan penggunaan plebagai bahan bantu dalam aktiviti pengajaran para guru. Justeru itu, penekanan terhadap kemahiran menulis boleh dianggap serius dari peringkat guru hingga ke peringkat pentadbiran.

Semakan juga dibuat untuk mendapatkan data terhadap penilaian yang dijalankan oleh pihak pentadbir mahu pun panatia. Hasil daptan menunjukkan bahawa penandaan dan semakan dibuat sekurang-kurangnya seminggu sekali untuk memastikan aspek kemahiran berbahasa sentiasa dilaksanakan. Semakan juga dibuat bertujuan untuk menilai kaedah pengajaran dan aktiviti yang dijalankan sama ada bersesuaian dengan tahap sampel terhadap kemahiran menulis mereka.

#### *Semakan Buku Latihan Sampel Kajian*

Pengkaji juga turut menganalisis buku latihan setiap sampel untuk menilai kesalahan yang dibuat oleh sampel kajian dalam aktiviti menulis. Hasil dapatan kajian mendapat terdapat kesalahan yang berulang seperti penggunaan kosa kata yang lemah, kesalahan ejaan dan kesalahan tanda baca yang betul. Pengkaji juga mendapat bahawa kesalahan yang dibuat oleh sampel semasa aktiviti menulis tidak ditanda dengan betul oleh guru yang mengajar. Semakan terhadap buku latihan juga tidak dijalankan mengikut tempoh yang betul. Hal ini sekaligus menyebabkan berlaku kesalahan berulang apabila sampel membuat latihan yang seterusnya.

Selain itu, pengkaji turut meneliti dan menganalisis masalah pembetulan terhadap kesalahan. Hasil daripada dapatan yang dipungut mendapat hampir semua sampel kajian tidak membuat pembetulan terhadap kesalahan penulisan mereka. Pengkaji juga mendapat hanya sebahagian sahaja kesalahan yang dibuat pemberian tetapi mengikut arahan guru.

#### *Semakan Rekod Panitia*

Berdasarkan kepada analisis terhadap rekod fail panitia mendapat bahawa setiap guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu telah menetapkan nilai prestasi terhadap setiap sampel yang dikaji. Selain itu, pihak sekolah juga memainkan peranan untuk membuat penilaian terhadap sampel dengan menjalankan ujian sebanyak empat kali setahun. Selain itu, ujian menulis juga dilaksanakan mengikut keperluan para guru untuk menilai prestasi sampel. Data menunjukkan bahawa sampel dari Tahun 4 diuji sekurang-kurangnya sebulan sekali. Bagi sampel dari Tahun 5 pula diuji dua kali sebulan. Manakala sampel dari Tahun 6 diuji seminggu sekali. Justeru itu, penekanan terhadap kemahiran menulis telah diberikan penekanan yang serius oleh pihak sekolah untuk meningkatkan kemahiran menulis setiap sampel kajian.

#### **Analisis Peranan Sekolah Terhadap Penguasaan Kemahiran Membaca**

Analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana peranan yang dimainkan oleh pihak sekolah dalam membantu penguasaan kemahiran menulis murid. Instrument yang digunakan bagi menganalisis persoalan ini adalah dengan membuat perhatian melalui kaedah senarai semak dan instrument temu bual terhadap sampel kajian.

Secara ringkas hasil kajian pengkaji adalah untuk meneliti peranan pihak sekolah dalam menyediakan persekitaran yang dapat membantu meningkatkan minat membaca dalam kalangan murid. Antara ciri yang dilihat oleh pengkaji adalah aspek penyediaan kemudahan buku, menjalankan aktiviti membaca, pelaksanaan latihan membaca dalam kelas, ujian saringan membaca dan menyediakan alat bantu mengajar (ABM) membaca. Berdasarkan perhatian yang dibuat, hanya dua item sahaja yang terlaksana secara keseluruhan di antara tiga kelas yang terlibat iaitu menjalankan aktiviti membaca dan menyediakan alat bantu mengajar membaca. Bagi item menyediakan kemudahan buku di dalam kelas, hanya satu kelas sahaja yang tidak ada kemudahan buku tambahan untuk bacaan sementara item pelaksanaan latihan membaca dalam kelas hanya dijalankan untuk kelas Tahun 4 dan 5 sahaja. Item ujian saringan membaca pula hanya dijalankan untuk sampel dari kelas Tahun 4 sahaja.

Item	Tahun 4	Tahun 5	Tahun 6
1. Menyediakan kemudahan buku bacaan	-	√	√
2. Menjalankan aktiviti membaca	√	√	√
3. Pelaksanaan latihan membaca	√	√	-
4. Ujian Saringan Membaca	√	-	-
5. Menyediakan ABM membaca	√	√	√
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>4</b>	<b>3</b>

**Jadual 1:** Senarai semak budaya membaca di dalam kelas

#### **Analisis Peranan Sekolah Terhadap Penguasaan Kemahiran Mendengar dan Bertutur**

Pengkaji juga telah menjalankan instrument soal selidik untuk mendapatkan data bagi meneliti sejauh mana peranan sekolah untuk menyediakan persekitaran pembudayaan bahasa Melayu dalam aplikasi terhadap kemahiran mendengar dan bertutur murid. Pengkaji telah mengedarkan soalan soal selidik untuk dijawab oleh setiap sampel yang dipilih. Hasil kutipan data dianalisis untuk mendapatkan bukti dan maklumat terhadap pengaruh sekolah dalam membentuk gaya berbahasa murid. Item yang disediakan dalam memperoleh data dibahagikan kepada lima soalan iaitu bahasa yang digunakan di sekolah, bahasa yang digunakan dengan guru, bahasa komunikasi dengan rakan, bahasa pertuturan di rumah dan bahasa yang digunakan dalam majlis rasmi di sekolah. Pilihan jawapan ditetapkan kepada empat pilihan iaitu bahasa Melayu Rasmi, bahasa Melayu Sabah, bahasa Inggeris, bahasa Bajau dan lain-lain bahasa.

Berdasarkan kepada hasil kutipan data mendapat bahawa semua sampel kajian menggunakan pertuturan bahasa Melayu Sabah sebagai bahasa yang digunakan di sekolah dan bahasa komunikasi dengan guru.

Sementara itu, 18 orang sampel pula menggunakan bahasa Melayu Sabah sebagai bahasa komunikasi dengan rakan. Seramai empat orang sampel memilih penggunaan bahasa Bajau sebagai bahasa komunikasi dengan rakan. Bagi bahasa yang digunakan di rumah sebagai bahasa komunikasi, seramai tujuh orang sampel memilih penggunaan bahasa Melayu Sabah. 15 orang sampel lagi menggunakan bahasa Bajau sebagai bahasa pertuturan di rumah. Bahasa Melayu Rasmi pula hanya digunakan dalam majlis-majlis rasmi yang diadakan di sekolah. Hasil dapatan data ini menunjukkan bahawa, tidak terdapat seorang sampel kajian pun yang menggunakan bahasa Inggeris sama ada sebagai bahasa komunikasi di sekolah, komunikasi dengan guru, rakan, keluarga mahu pun dalam majlis rasmi di sekolah. Justeru itu, penggunaan bahasa pertuturan sampel di sekolah lebih kepada penggunaan bahasa Melayu Sabah berbanding bahasa Melayu Rasmi.

Soalan	Bahasa Melayu Rasmi	Bahasa Melayu Sabah	Bahasa Inggeris	Bahasa Bajau	Lain-lain Bahasa
1. Bahasa yang digunakan di sekolah	-	22	-	-	-
2. Bahasa yang digunakan dengan guru	-	22	-	-	-
3. Bahasa komunikasi dengan rakan	-	18	-	4	-
4. Bahasa pertuturan di rumah	-	7	-	15	-
5. Bahasa yang digunakan dalam majlis rasmi di sekolah	22	-	-	-	-

**Jadual 2: Soal Selidik Budaya Bertutur Murid**

Hasil analisis yang dibuat menunjukkan bahawa sampel kajian lebih gemar menggunakan bahasa mengikut kesesuaian dan kebiasaan mereka dalam berkomunikasi. Hal ini sekaligus telah memberi kesan yang kurang baik terhadap pemantapan bahasa Melayu standard di sekolah. Oleh yang demikian, pihak sekolah dan para guru perlu memainkan peranan dalam pembudayaan bahasa Melayu rasmi dalam pertuturan sehari-hari murid. Namun begitu, peranan yang dimainkan oleh pihak sekolah masih kurang dalam memberikan kesan terhadap budaya mendengar dan bertutur menggunakan bahasa rasmi kebangsaan. Justeru itu, pihak sekolah harus memainkan peranan semaksimum mungkin bagi membolehkan budaya berbahasa diaplikasi di peringkat rendah lagi.

## VI. Perbincangan

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauh mana peranan sekolah dalam membantu meningkatkan tahap kemahiran berbahasa murid dalam bahasa Melayu. Pengkaji telah menjawab ketiga-tiga persoalan bagi kajian ini. Berdasarkan dapatan analisis dokumen yang dibuat mendapati bahawa pihak sekolah banyak memainkan peranan untuk meningkatkan kemahiran menulis murid. Pelbagai strategi diatur oleh pihak sekolah sama ada daripada pihak pentadbir, panitia mahu pun guru mata pelajaran sendiri. Aktiviti dan latihan dibuat untuk menilai sejauh mana kemampuan murid untuk mengaplikasikan kemahiran berbahasa mereka ke dalam bentuk penulisan. Hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa pihak sekolah sangat menitikberatkan keputusan pencapaian menulis dengan menetapkan aras penilaian prestasi yang berbeza berdasarkan kepada tahap murid.

Selain itu, aspek kemahiran membaca juga turut ditekankan oleh pihak sekolah sebagai tunjang kepada asas perkembangan kemahiran berbahasa murid. Hasil dapatan data yang dipungut berdasarkan senarai semak dan temu bual yang dijalankan menunjukkan bahawa pihak sekolah memainkan peranan utama dalam menghasilkan murid yang berkebolehan membaca. Pelbagai aktiviti dirancang bersesuaian dengan perkembangan kemahiran berbahasa murid. Selain itu, pihak sekolah juga telah menjalankan pelbagai usaha seperti menambah bahan bacaan tambahan di dalam kelas, menjalankan ujian membaca dan menyediakan kemudahan alat bantu mengajar untuk memudahkan murid menguasai kemahiran membaca. Selain itu, murid-murid juga turut didedahkan dengan aktiviti-aktiviti membaca sepanjang tahun selain pelaksanaan program berbentuk pertandingan untuk meransang minat murid ke arah kemahiran membaca.

Demikian juga dengan peranan pihak sekolah untuk melahirkan murid yang mahir bertutur dalam bahasa Melayu yang betul. Hasil daripada soal selidik mendapati bahawa pihak sekolah akan menggunakan bahasa Melayu rasmi sebagai bahasa utama dalam menjalankan aktiviti atau program-program rasmi. Selain itu,

murid juga digalakkan untuk menggunakan bahasa Melayu semaksimum mungkin ketika berada di sekolah. Penggunaan bahasa Melayu Sabah juga menjadi keutamaan sebagai langkah awal sebelum membolehkan murid bertutur dalam bahasa Melayu yang rasmi. Justeru itu, persoalan ketiga iaitu peranan sekolah dalam meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur dalam bahasa Melayu dapat terjawab melalui data yang diperoleh dan dianalisis.

## VII. Kesimpulan

Penguasaan kemahiran berbahasa pada peringkat awal banyak bergantung kepada peranan pihak sekolah dalam membina batu asas yang kukuh. Apabila pihak sekolah mampu menyediakan persekitaran yang mesra daripada segala aspek berbahasa sama ada dalam bentuk menulis, membaca mahu pun mendengar dan bertutur, maka ianya akan dapat membantu perkembangan kemahiran berbahasa yang baik. Pelbagai langkah yang dibuat untuk memastikan ketiga-tiga aspek berbahasa ini dapat dipenuhi sekaligus membantu proses pembudayaan ilmu di sekolah. Selain itu, peranan yang dimainkan oleh pihak sekolah juga menjadi penyumbang utama terhadap proses perkembangan bahasa Melayu itu sendiri. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan kepada setiap sekolah untuk melestarikan bahasa Melayu bermula dari peringkat akar umbi lagi.

## Rujukan

- [1] Abdullah Hassan. 2004. Mengajar kemahiran komunikasi interpersonal. Kertas kerja di Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu pada 23 – 25 Mei 2004 di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- [2] Abdul Rashid Jamian. 2011. Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. Jurnal pendidikan Bahasa Melayu. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- [3] Charlie Anak Ungang. 2008. Penggunaan bahan bantu mengajar dalam kemahiran asasmembaca di kelas pemulihan: kajian kes di lima buah sekolah daerah Serian. Jurnal penyelidikan. Jabatan Kajian Sosial, Institut Perguruan Batu Lintang.
- [4] Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. 2011. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. Jurnal pendidikan Bahasa Melayu. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- [5] DK. Suzanawaty PG. Osman & Yahya Othman. 2014. Keupayaan menguasai kemahiran menulis melalui pembelajaran berdasarkan projek dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. Jurnal pendidikan Bahasa Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [6] Hasnalee Tubah & Zulkifley Hamid. 2011. Pengaruh demografi terhadap kemahiran membaca dan memahami dalam kalangan murid-murid LINUS. Jurnal Melayu.
- [7] Mangantar Simanjuntak. 1982. *Pengantar psikolinguistik moden*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- [8] Merriam, S.B. 2001. *Qualitative research and case study application in education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- [9] Mohd. Majid Konting. 2005. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Edisi Ke-7. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [10] Nik Safiah Karim. 2004. *Bahasa Melayu sedekad yang lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- [11] Noorazman Mahat. (2009). Panduan menulis karangan. <http://karanganbagus.blogspot.com>
- [12] Noraini Idris. 2013. Penyelidikan dalam Pendidikan. Selangor : McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- [13] Norhasmi Othman. 2015. Penggunaan VLE Frog Dalam Pengajaran Bahasa Melayu. Dlm. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusastraan Melayu*. Fakulti Pendidikan : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [14] Nur Aini Bidin. 2013. Kesesuaian penggunaan teks cerpen dalam kalangan murid aliran sains. Laporan Projek Ilmiah Tahun Akhir. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- [15] Ong Sza Chong. 2015. Ciri Keperibadian dan Motivasi Guru Cemerlang Sekolah Menengah Di Negeri Sarawak. Dlm. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusastraan Melayu*. Fakulti Pendidikan:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [16] Roselan Baki. 2003. *Pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu: Senario, teori dan panduan untuk guru dan murid*. Kuala Lumpur: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- [17] Zulkifley Hamid. 2006. *Aplikasi psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Khairul Nizam Bin Mohamed Zuki “Peranan Sekolah Dalam Membentuk Budaya Berbahasa Murid.” International Journal of Humanities and Social Science Invention (IJHSSI), vol. 6, no. 9, 2017, pp. 61-68.